

## **1. PENDAHULUAN**

- 1.1.** Dokumen Tatacara Pengendalian Piawai ini atau SOP (Standard Operating Procedures), merupakan satu garis panduan khusus dalam pelaksanaan Program Pemvaksinan Penyakit Kuku & Mulut (FMD) di Malaysia. Segala arahan dan prosedur dalam dokumen ini adalah terpakai dengan jelas dalam setiap proses kerja sepanjang program tersebut dijalankan. Walau bagaimanapun, dokumen ini masih memerlukan sokongan beberapa dokumen tambahan lain seperti Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia (APTVM) bagi Vaksinasi, Kempen Kesedaran Awam, Penghapusan, Penyiasatan Penyakit, Survelan dan sebagainya.
- 1.2.** Program Pemvaksinan Penyakit Kuku & Mulut merupakan satu aktiviti khusus yang dijalankan di seluruh Semenanjung Malaysia, sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), iaitu 2011 sehingga 2015. Matlamat utama program ini ialah untuk memastikan tiada ternakan berpenyakit FMD di negara ini menjelang tahun 2015. Sebagai kemuncak program ini, Malaysia akan mendapatkan status Bebas FMD daripada Pertubuhan Haiwan Sedunia (OIE) pada tahun 2016. Secara umumnya, pelaksanaan Dasar Bebas Penyakit Kuku & Mulut ini meliputi aktiviti-aktiviti pemvaksinan FMD, penakaian ternakan positif FMD dan kempen kesedaran awam.
- 1.3.** Sebagai sokongan kepada dasar penswastaaan perkhidmatan yang diperkenalkan oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib bin Tun Razak pada tahun 2009, pihak jabatan mula memperkenalkan pendekatan penswastaaan dalam pelaksanaan aktiviti pemvaksinan FMD. Pihak jabatan akan menguruskan penyampaian perkhidmatan pemvaksinan FMD kepada semua ternakan ruminan melalui pihak swasta yang dilantik di setiap kawasan yang terlibat. Susulan itu, perincian proses kerja dan tugas bagi setiap pihak yang terlibat sama ada pihak swasta mahupun pihak jabatan diperjelaskan secara terperinci melalui dokumen Tatacara Pengendalian Piawai ini.

## **2. PROSEDUR PELAKSANAAN**

Bagi memastikan aktiviti program dapat dijalankan dengan teratur, sistematik dan berkesan, setiap komponen aktiviti perlu dilaksanakan mengikut piawai yang telah ditetapkan. Semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dengan aktiviti tersebut, perlu bertanggung jawab ke atas setiap proses kerja masing-masing.

## **2.1. Pembancian Ternakan**

- 2.1.1. Bahagian Kesihatan DVS Negeri, bertanggung jawab menjalankan aktiviti pembancian dalam sesuatu kawasan sebelum pemvaksinan dilakukan.
- 2.1.2. Pembancian secara tepat perlulah dilakukan untuk memastikan kelancaran perancangan program pemvaksinan.

## **2.2. Pemvaksinan FMD**

### **2.2.1. Jadual Pemvaksinan**

- 2.2.1.1. Selepas mendapat kesemua data populasi ternakan dan lokasi pemvaksinan, pihak swasta yang dilantik perlu menyediakan jadual pemvaksinan yang komprehensif.
- 2.2.1.2. Jadual tersebut perlu diberikan kepada Penyelaras Program Pemvaksinan DVS Negeri untuk pengesahan sebelum aktiviti pemvaksinan dijalankan.
- 2.2.1.3. Sekiranya jadual asal mengalami perubahan tarikh atau masa aktiviti, pihak swasta bertanggung jawab memaklumkan kepada Penyelaras Program Pemvaksinan DVS Negeri untuk pengesahan.
- 2.2.1.4. Sebarang aktiviti pemvaksinan adalah tidak dibenarkan tanpa pengesahan Penyelaras Program Pemvaksinan DVS Negeri.

### **2.2.2. Ubat Suplemen**

- 2.2.2.1. Penyelaras Program Pemvaksinan DVS Negeri boleh menyediakan suplemen tambahan seperti *anti-stress* mahupun vitamin kepada para penternak yang telah menerima suntikan FMD.
- 2.2.2.2. Walau bagaimanapun, pemberian tersebut adalah tertakluk kepada bekalan dan kesediaan pihak DVS.
- 2.2.2.3. Dalam situasi tertentu, seperti ketiadaan bekalan DVS, pihak swasta boleh menawarkan ubat-ubatan serta

suplemen lain secara terus kepada penternak, dengan harga yang berpatutan.

### 2.2.3. **Rekod Pempvaksin**

- 2.2.3.1. Semua aktiviti pempvaksin perlu direkod oleh seorang pegawai dari DVS.
- 2.2.3.2. Penyelaras Program Pempvaksin DVS Negeri bertanggung jawab menyelaras pegawai bertugas untuk keseluruhan aktiviti pempvaksin.
- 2.2.3.3. Sekurang-kurangnya seorang pegawai DVS perlu hadir dalam suatu aktiviti pempvaksin.
- 2.2.3.4. Aktiviti pempvaksin tidak boleh dijalankan tanpa kehadiran pegawai rekod daripada DVS, justeru Penyelaras Program Pempvaksin DVS Negeri bertanggung jawab sepenuhnya memastikan kehadiran pegawai rekod dalam setiap aktiviti pempvaksin.
- 2.2.3.5. Rekod pempvaksin bagi setiap aktiviti perlu diserahkan kepada Penyelaras Program Pempvaksin DVS Negeri sejurus selepas selesai suatu aktiviti pempvaksin.
- 2.2.3.6. Pegawai Rekod DVS adalah bertanggung jawab ke atas penyerahan rekod kepada Penyelaras Program Pempvaksin DVS Negeri setiap kali selesai aktiviti pempvaksin.
- 2.2.3.7. Semua rekod perlu disahkan oleh Penyelaras Program Pempvaksin DVS Negeri.
- 2.2.3.8. Rekod DVS adalah muktamad dan sebarang pindaan adalah dilarang tanpa pengesahan Penyelaras Program Pempvaksin DVS Negeri.

### 2.2.4. **Prosedur Pempvaksin** (*Sila rujuk APTVM Vaksinasi*).

- 2.2.4.1. Setiap aktiviti pempvaksin ternakan perlu dilakukan dalam kawasan yang sesuai untuk melakukan suntikan pempvaksin dengan selamat.

TATACARA PENGENDALIAN PIAWAI (STANDARD OPERATING PROCEDURES)  
PROGRAM PEMBASMIAN PENYAKIT KUKU & MULUT

---

- 2.2.4.2. Bagi setiap aktiviti, kumpulan pemvaksin perlu diketuai atau dipantau oleh seorang Doktor Veterinar atau personel yang dilantik, yang diiktiraf mempunyai pengetahuan dalam bidang veterinar secara khusus.
  
- 2.2.4.3. Setiap kumpulan pemvaksin perlu menyediakan peralatan vaksin sebelum menjalankan aktiviti pemvaksinan iaitu termasuk;
  - 2.2.4.3.1. Bekalan vaksin FMD yang mencukupi dan belum melepasi tarikh luput,
  
  - 2.2.4.3.2. Kotak ais atau termos (*flask*) dengan pek ais mencukupi, untuk menyimpan bekalan vaksin,
  
  - 2.2.4.3.3. Baju pelindung (*Coverall*) atau baju yang menutupi keseluruhan badan, kaki dan tangan,
  
  - 2.2.4.3.4. Kasut but atau kasut bertumit keras yang menutupi keseluruhan tapak kaki sehingga sekurang-kurangnya ke paras buku lali,
  
  - 2.2.4.3.5. Picagari suntikan,
  
  - 2.2.4.3.6. Sarung tangan getah,
  
  - 2.2.4.3.7. Tuala tangan.
  
- 2.2.4.4. Pastikan perkara berikut dipatuhi semasa menjalankan pemvaksinan di lapangan;
  - 2.2.4.4.1. Pastikan vaksin diberikan melalui laluan yang betul seperti ditetapkan pengeluar vaksin.
  
  - 2.2.4.4.2. Pastikan dos yang diberi adalah tepat seperti yang telah ditentukan oleh pengeluar vaksin.
  
  - 2.2.4.4.3. Jarum suntikan perlu digantikan setiap kali menyuntik gerompok ternakan yang baru.
  
  - 2.2.4.4.4. Vaksin yang dibawa perlulah sentiasa berada di dalam bekas bersuhu dingin iaitu 2°C - 8 °C (*chill temperature*).

TATACARA PENGENDALIAN PIAWAI (STANDARD OPERATING PROCEDURES)  
PROGRAM PEMBASMIAN PENYAKIT KUKU & MULUT

---

- 2.2.4.4.5. Elakkan vaksin bersentuhan secara langsung dengan pek ais kerana dikhuatiri akan merosakkan vaksin tersebut.
- 2.2.4.4.6. Gunakan tuala yang telah dicelup air batu (sejuk) untuk memegang vaksin
- 2.2.4.4.7. Tidak mendedahkan vaksin pada cahaya matahari
- 2.2.4.4.8. Baki vaksin yang lebih di dalam picagari tidak dimasukkan semula ke dalam botol asal vaksin
- 2.2.4.4.9. Simpan baki vaksin di dalam botol ke dalam peti sejuk selepas tamat program pada hari tersebut sehingga tempoh 36 jam sahaja selepas dibuka.
- 2.2.4.5. Setiap kumpulan pemvaksin perlu memastikan agar disinfeksi dilakukan setiap kali sebelum dan selepas aktiviti pemvaksinan dijalankan (*Sila rujuk APTVM Disinfeksi*).
- 2.2.4.6. Disinfeksi merangkumi segala pakaian setiap personel, peralatan yang digunakan dan kenderaan yang memasuki kawasan pemvaksinan (*Sila rujuk APTVM Disinfeksi*).

### **2.3. Pengekangan Ternakan (*Restraining*)**

- 2.3.1. Pihak swasta yang dilantik bertanggung jawab ke atas pengekangan ternakan yang hendak disuntik dalam setiap aktiviti pemvaksinan.
- 2.3.2. Pengekangan ternakan perlulah dilakukan mengikut teknik yang sesuai agar mengurangkan tegasan kepada ternakan.
- 2.3.3. Sekiranya perlu, ubat *anti-stress* boleh diberikan kepada penternak sejeurus selesai aktiviti pemvaksinan bagi mengurangkan tegasan yang dihadapi.
- 2.3.4. Walau bagaimanapun, pemberian tersebut adalah tertakluk kepada bekalan pihak DVS.

TATACARA PENGENDALIAN PIAWAI (STANDARD OPERATING PROCEDURES)  
PROGRAM PEMBASMIAN PENYAKIT KUKU & MULUT

---

- 2.3.5. Bagi tujuan pengekangan, peralatan seperti tali boleh disediakan oleh pihak DVS.
- 2.3.6. Penyelaras Program Pempvaksin DVS Negeri bertanggung jawab menyediakan peralatan tersebut mengikut keperluan.
- 2.3.7. Pihak swasta boleh mengambil peralatan tersebut di Pejabat DVS.

**2.4. Pemasangan Celung Mudah Alih (*coral*)**

- 2.4.1. Pihak swasta yang dilantik bertanggung jawab ke atas pemasangan celung mudah alih (*coral*) dalam setiap aktiviti pempvaksin.
- 2.4.2. Walau bagaimanapun, Penyelaras Program Pempvaksin DVS Negeri bertanggung jawab menyediakan celung mudah alih yang mencukupi untuk setiap aktiviti pempvaksin.
- 2.4.3. Penyelaras Program Pempvaksin DVS Negeri bertanggung jawab menyediakan celung tersebut di Pejabat DVS untuk diambil pihak swasta.
- 2.4.4. Sekurang-kurangnya 1 set celung diperlukan untuk setiap kumpulan pempvaksin.
- 2.4.5. Pihak swasta bertanggung jawab ke atas celung yang diambil sehingga mengembalikannya semula kepada pihak DVS.

**2.5. Biosekuriti**

- 2.5.1. Amalan biosekuriti yang baik adalah sangat kritikal sepanjang pelaksanaan aktiviti pempvaksin FMD.
- 2.5.2. Pihak swasta bertanggung jawab memastikan setiap pekerjaannya mengamalkan biosekuriti yang baik termasuk menyahkuman semua peralatan dan pakaian setiap kali sebelum memulakan aktiviti pempvaksin dan selesai pempvaksin di setiap kawasan.
- 2.5.3. Manakala Penyelaras Program Pempvaksin DVS Negeri bertanggung jawab menyediakan peralatan disinfeksi dan bahan disinfeksi yang mencukupi kepada pihak swasta untuk setiap aktiviti.

- 2.5.4. Kesemua peralatan disinfeksi boleh diambil oleh pihak swasta di pejabat DVS.

## **2.6. Kempen Kesedaran Awam**

### **2.6.1. Siaraya**

- 2.6.1.1. Aktiviti siaraya/hebahan langsung perlu dilakukan sebelum setiap aktiviti dilakukan.
- 2.6.1.2. Penyelaras Program Penvaksinan DVS Negeri bertanggung jawab memastikan siaraya dilakukan di setiap kampung/mukim yang terlibat untuk memastikan penternak mendapat mesej tentang aktiviti penvaksinan.
- 2.6.1.3. Pihak swasta perlu mengikuti semua aktiviti siaraya yang dijalankan pihak DVS untuk memudahkan penyelarasan aktiviti antara pihak swasta dengan penternak kelak.
- 2.6.1.4. Siaraya boleh dilakukan dengan menggunakan kenderaan ataupun secara bersemuka dengan setiap penternak atau wakil penternak sahaja.

### **2.6.2. Penyediaan Bahan-Bahan Kempen Kesedaran**

- 2.6.2.1. Bahan-bahan kempen kesedaran seperti banner, bunting, poster, risalah dan lain-lain perlu disediakan pihak DVS.
- 2.6.2.2. Penyelaras Program Penvaksinan DVS Negeri bertanggung jawab memastikan penyediaan bahan-bahan tersebut sama ada oleh pihak Ibu Pejabat di Putrajaya atau DVS Negeri terlibat.
- 2.6.2.3. Bahan-bahan kempen berkaitan perlu diberi kepada penternak setiap kali aktiviti kempen kesedaran dijalankan.
- 2.6.2.4. Aktiviti kempen kesedaran boleh dilakukan secara khusus seperti ceramah/taklimat, mahupun secara am semasa aktiviti penvaksinan dilakukan.

**2.6.3. Kempen Melalui Ceramah/Taklimat**

- 2.6.3.1. Penyelaras Program Pempvaksin DVS Negeri bertanggung jawab mengadakan sesi ceramah/taklimat kepada penternak/pengusaha ternakan sebagai kempen pempvaksin FMD.
- 2.6.3.2. Pihak Ibu Pejabat di Putrajaya akan menyediakan panduan umum untuk mengadakan kempen tersebut.
- 2.6.3.3. Sekurang-kurangnya satu sesi kempen perlu dilakukan di setiap kampung/mukim.
- 2.6.3.4. Setiap sesi perlu disertai oleh pihak swasta.

**2.6.4. Kempen Melalui Media**

- 2.6.4.1. Selain kempen melalui siaran mahupun sesi ceramah/taklimat, kempen melalui media juga perlu dilakukan sepanjang aktiviti pempvaksin FMD
- 2.6.4.2. Penyelaras Program Pempvaksin DVS Negeri bertanggung jawab menjalankan kempen melalui media dengan memastikan mesej pempvaksin disampaikan melalui radio/TV/ surat khabar secara berkala ataupun sekurang-kurangnya sekali dalam satu tempoh tertentu.
- 2.6.4.3. Pihak Ibu Pejabat di Putrajaya akan menyediakan bahan khusus untuk tujuan penyelarasan input.
- 2.6.4.4. Penyelaras Program Pempvaksin DVS Negeri bertanggung jawab menjalinkan hubungan dengan pihak media agar aktiviti pempvaksin FMD sentiasa mendapat liputan media, khususnya media kerajaan.

Kemaskini : 4 Jun 2012